

LICAPAN-ADHD 248

326 - 94/79

229 - 151/78

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,

DATO HUSSEIN ONN, DI UPACARA

MENYAMPAIKAN BIASISWA KECIL

KAPADA ANAK-ANAK PEKEBUN KECIL,

DI MASJID TANAH, MELAKA, PADA

HARI ISNIN 3HB. JULAI, 1978,

JAM 2.30 PETANG.

---

1. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka,  
Datuk Setia Haji Abdul Ghani Ali, & *Watin*
2. Yang Berhormat Datuk Musa Hitam,  
Menteri Pelajaran. ③ *y.B. Tan Sri Chong Hon  
ngan.  
Pemangku Timbalan*
- ⑤ ~~3~~ Yang Berusaha/Ketua Pengarah RISDA ④ *yang Bertanggung  
jawab  
Selenggara  
Kerajaan Negeri  
Melaka.*  
Dr. Mohd. Noor Abdullah.  
*Tuan Haji Wan Adli bin Dato Haji  
Wan Ibrahim.*
- ⑥ ~~4~~ Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

*bersyukur ke hadrat Allah Subaha - ,  
nama wataala*  
Saya ~~merasa~~ amat gembira kerana


*kerana* dalam lawatan saya ke Negeri Melaka kali ini,  
dapat pula saya melawat Masjid Tanah, dan  
seterusnya menemui keluarga pekebun-pekebun  
kecil. Saya mengucapkan berbilang terima kasih

serta setinggi penghargaan, kepada penduduk-penduduk Masjid Tanah, di atas sambutan meriah, serta penghormatan yang telah diberikan kepada saya di majlis ini.

2. Sambutan ini, jelas membuktikan sokongan dan kerjasama rakyat kepada Kerajaan Barisan Nasional, yang telah banyak membawa kemudahan dan kemajuan kepada rakyat. Rancangan Malaysia Kedua, dan sekarang ini Rancangan Malaysia Ketiga, adalah berlandaskan konsep Dasar Ekonomi Baru, yang bertujuan mengurangkan <sup>dan</sup> seterusnya membasmi

kemiskinan di kalangan rakyat berbilang kaum, serta menyusun semula masyarakat Malaysia, supaya pengenalan sesuatu kaum mengikut pekerjaan, kedudukan ekonomi dan tempat kediaman dapat di hapuskan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

3. Sebagaimana kita semua sedia maklum, sektor pekebun kecil sangatlah penting dalam ekonomi negara kita. Dari segi pengeluaran Getah Asli, sektor pekebun kecil di negara ini telah menyumbangkan  lebih kurang 57% daripada pengeluaran getah negara.

Pada masa ini, sektor pekebun kecil negara kita, membekalkan sebanyak 25% daripada jumlah pengeluaran Getah Asli Dunia. Perusahaan getah asli pada tahun-tahun akan datang, adalah menggalakkan. Kerajaan Barisan Nasional yakin, Malaysia mempunyai *keperluan getah* harapan cerah, bagi memenuhi ~~permintaan~~ dunia yang akan bertambah sebanyak 7 juta tan tiap-tiap tahun, menjelang tahun lapan pulohan. Pekebun-pekebun kecil hendaklah menyumbangkan sepenuhnya, tambahan keperluan ini.

4. Kerajaan Barisan Nasional sedar bahawa, sektor ini terdiri daripada rakyat *miskin* ~~biasa~~.

*Kebanyakan daripada mereka*  
yang ramai bilangannya. ~~Tiap-tiap orang~~  
memiliki kebun yang kecil. Kira-kira 63%  
daripada mereka, mempunyai kebun yang kurang  
daripada 5 ekar, dan 90% daripadanya mempunyai  
kebun yang kurang daripada 10 ekar. Di bawah  
Rancangan Malaysia Kedua, dan terutamanya  
di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan  
Barisan Nasional telah menumpukan perhatian  
yang berat, bagi meninggikan taraf hidup mereka.  
RIISDA telah ditubuhkan oleh Kerajaan pada  
tahun 1973, dengan tujuan khas untuk meninggikan  
keadaan sosio-ekonomi pekebun kecil, dan memodenkan

penghidupan mereka dalam semua segi.

5. Dalam usaha memodenkan sektor pekebun kecil ini, RISDA telah menumpukan perhatian kepada kegiatan-kegiatan ke arah memperbaiki hasil dan kualiti getah, menambahkan sumber pendapatan pekebun kecil, pembangunan masyarakat dan tenaga manusia, serta mengadakan kemudahan-kemudahan memproses, kredit dan pemasaran getah, serta lain-lain hasil pertanian mereka.

6. Sebagaimana kita sedia maklum, RISDA bertanggungjawab atas semua aspek kemajuan

di sektor pekebun kecil. Ini termasuklah memodenkan sektor pekebun kecil, mengikut kemajuan teknik dalam penanaman getah. Sejak Rancangan Tanam Semula dilancarkan sehingga akhir tahun 1977, lebih-kurang 1.7 juta ekar tanah getah, telah ditanam semula, dengan tujuan untuk menambahkan hasil pengeluaran. Usaha ini, telah dapat / menambahkan hasil pengeluaran purata getah daripada 440 lb seekar dalam tahun 1963, kepada 711 lb seekar dalam tahun 1969, dan lebih-kurang 900 lb seekar pada masa sekarang. Sungguhpun begitu, kita masih lagi mempunyai peluang bagi meningkatkan hasil pengeluaran getah pekebun kecil,

untuk mencapai ke taraf pengeluaran sektor estet, iaitu sebanyak 1,300 lb seekar, jika semua pekebun kecil berjaya menyertai Rancangan Tanam Semula, yang dijalankan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

7. Saya harap, dengan adanya bantuan tambahan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Barisan Nasional, yang telah saya umumkan pada 22hb. Jun lalu, di Parit Raja, Batu Pahat, lebih ramai lagi pekebun-pekebun kecil, terutama mereka yang mempunyai tanah getah kurang daripada

10 ekar, akan menyertai rancangan tanaman semula ini. Bagi mereka yang memiliki tanah seluas 5 ekar atau kurang, sebelum 1hb. Januari 1957, akan di beri bonos tambahan sebanyak \$100/- seekar.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

8. Bagi kawasan-kawasan yang telah mengeluarkan hasil, Kerajaan Barisan Nasional, melalui RISDA, telah mengadakan khidmat pengembangan, untuk memberi penerangan kepada pekebun kecil, bagi memperbaiki amalan pertanian dan kualiti getah mereka. Khidmat ini, adalah penting,

..10/-

kerana ia merupakan usaha memindahkan teknologi daripada badan-badan penyelidikan kepada pekebun kecil. Usaha-usaha penyelidikan yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Getah Malaysia, telah menghasilkan banyak penemuan baru, berkenaan dengan benih, cara membiak, cara menoreh dan soal-soal agronomi. Pengetahuan teknologi untuk memodenkan sektor pekebun kecil, bolehlah dikatakan sudah ada pada kita.

9. Khidmat pengembangan ini, amatlah penting, bagi membantu sektor pekebun kecil menerima dan mencapai pendapat baru ini, serta

meninggikan keadaan hidup dan taraf ekonomi, terutama mereka yang memiliki kebun-kebun yang sangat kecil. Ini akan dapat mengimbangkan kedudukan mereka dengan sektor ladang, yang telah dapat menerima dan melaksanakan penda-  
*itu*  
pat-pendapat baru ~~tadi~~, dengan cepatnya.

10. Kerajaan Barisan Nasional, melalui RISDA, sedang menyediakan satu sekim ~~kepada~~ *kepada* pekebun kecil yang mempunyai tanah ~~yang~~ kurang daripada 5 ekar, dan yang kedudukannya berke-  
lompok, di mana RISDA akan memajukan tanah

tersebut, bagi pihak pekebun kecil. Ini akan menjamin bahawa, amalan-amalan pertanian yang baik, dan penggunaan tanah yang maksima, dapat dilaksanakan semasa pokok getah mereka belum mengeluarkan hasil. Sekim seperti ini, patut mendapat sambutan baik dari pekebun-pekebun kecil. Saya difahamkan <sup>bahwa</sup> satu kawasan seluas 800 ekar, akan dimajukan mengikut sekim tersebut di kawasan ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

11. Dalam usaha Kerajaan Barisan Nasional <sup>dan</sup> <sup>kan</sup> mengurangkan seterusnya membasmi kemiskinan

di luar bandar, tanah adalah menjadi satu persoalan yang penting. Satu daripada masalah yang rumit, yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil, ialah keluasan tanah yang kecil atau selalunya dikatakan tidak ekonomik. Disamping meninggikan mutu pengeluaran, serta menambahkan hasil getah, pekebun-pekebun kecil adalah digalakkan mempelbagaikan tanaman dan hasil mereka, dengan tanaman kontan, pembiakan ikan, pemeliharaan ternakan dan lain-lain aktiviti, yang boleh menguntungkan dan mendatangkan faedah. Kerajaan Barisan Nasional ada menyediakan kemudahan ~~sistem~~ Kredit, serta pemasaran yang teratur.

12. Selain daripada Kredit Pertanian yang dikeluarkan oleh Kerajaan Barisan Nasional, melalui agensi-agensinya, RISDA juga ada mengeluarkan Kredit Premium tanah kepada pekebun kecil, yang belum mempunyai hak milik, dan tidak berupaya membayar premium tanah mereka, bagi mendapatkan hak milik tanah. Dengan adanya premium seperti ini, akan membolehkan pekebun kecil mendapat faedah-faedah seperti bantuan tanam semula, yang disediakan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

13. Sungguhpun Kredit seperti ini ada disediakan oleh Kerajaan, saya difahamkan, ada sebilangan pekebun kecil yang maju, yang sanggup berdikari dengan mengumpulkan wang di kalangan mereka, untuk membiayai projek-projek atau kegiatan-kegiatan ekonomi mereka sendiri. Sifat-sifat berdikari dan usahawan inilah, yang boleh menjadi landasan dan asas yang kukuh, bagi mewujudkan masa depan yang lebih cemerlang dan terjamin, bagi masyarakat pekebun kecil.

14. Dalam lapangan pemasaran getah, Kerajaan Barisan Nasional telah menubuhkan agensi seperti

MARDEC, untuk membeli dan memproses getah, serta mengekspotkannya terus kepada pengguna-pengguna di luar negeri. RISDA pula dipertanggungjawabkan, supaya meningkatkan mutu getah keping pekebun kecil, dengan menganjurkan *pentadbiran* ~~perjalanan~~ pusat pembangunan pekebun kecil (PPPK). Kerajaan Barisan Nasional telah mengarahkan RISDA, supaya menjalankan pembelian getah di kawasan-kawasan, di mana tidak terdapat kegiatan MARDEC, atau di mana pekebun-pekebun kecil, menerima harga yang rendah dan tidak berpatutan. Ini akan mewujudkan luang pasaran

tambahan dan pertandingan, yang mana akan memberi manfaat kepada pekebun kecil, dan meninggikan harga getah ke tingkat harga pasaran.

15. Bagi menentukan program pembangunan berjalan dengan licin dan sempurna, maka Kerajaan Barisan Nasional telah memperkenalkan konsep pembangunan kawasan sebagai strategi pembangunan pekebun kecil. Kerajaan Barisan Nasional, akan menentukan kawasan-kawasan getah pekebun kecil, yang mempunyai potensi masa depan, dari segi ekonomi dan sosial. Kawasan tersebut, akan di rancang dan di majukan, secara pendekatan

padu serentak, di mana semua agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan, dikehendaki bekerjasama bagi menjamin kejayaannya. Dalam menjalankan tugas dan peranan penting ini, RISDA hendaklah mendapatkan kerjasama dan khidmat kemahiran, dengan Jabatan-Jabatan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan yang lain, seperti, Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (MARDEC), Lembaga Pemasaran dan Pelesenan Getah (MRELB), Lembaga Penyelidikan dan kemajuan Getah Malaysia (MRRDB), Jabatan-Jabatan Pertanian, Perikanan, Haiwan dan juga MARDI. Setakat ini, 83 kawasan telah pun di-  
tentukan, dan 71 daripadanya telahpun dilaksanakan,

di mana 3 buah daripadanya, terletak dalam Negeri Melaka. Pada tahun ini, 12 kawasan telah ditentukan, untuk dimajukan secara intensif, salah satu daripada kawasannya, ialah kawasan Masjid Tanah ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

16. Kerajaan Barisan Nasional sedar, bahawa pembangunan Masyarakat dan tenaga pekebun kecil, adalah amat penting, bagi menjamin pelaksanaan kegiatan pemodenan yang berterusan. Oleh itu, Kerajaan Barisan Nasional, melalui agensi-agensinya,

termasuklah RISDA, telah mengadakan berbagai kursus dan lawatan sambil belajar, dan seminar kebangsaan dan antarabangsa. Mereka juga telah diperkenalkan dengan konsep pembangunan masyarakat, kerana rancangan pemodenan Kerajaan, tidak akan berjaya, jika pekebun kecil sendiri tidak mahu memodenkan kehidupan <sup>nya.</sup> mereka. Berasaskan kepada prinsip inilah, maka pekebun kecil telah diberi latihan dan kursus pembangunan masyarakat secara intensif, bagi melahirkan kepimpinan di kalangan mereka, dan di kawasan pembangunan mereka.

17. Memandangkan betapa pentingnya kedudukan dan peranan anak-anak pekebun kecil di masa hadapan, Kerajaan Barisan Nasional, melalui RISDA, telah mendirikan tiga buah asrama pada tahun lalu, yang telah menyediakan kemudahan-kemudahan bagi 160 orang pelajar, terdiri daripada anak-anak pekebun kecil. Sepuluh buah lagi <sup>keperluan</sup> asrama, akan dibina dalam tahun 1978, bagi 500 <sup>orang</sup> pelajar. Asrama-asrama ini, dibina di tempat-tempat pendalaman, seperti Kuala Brang, Baling dan Sik, semata-mata dengan tujuan, supaya anak-anak pekebun kecil, yang terdiri dari mereka yang

benar-benar tidak berkemampuan, tinggal di asrama-asrama ini.

18. Selain dari itu, lebih kurang 10 ribu Biasiswa Kecil, telah diperuntukkan bagi tahun <sup>untuk</sup> 1978, ~~bagi~~ menampung belanja persekolahan anak-anak pekebun kecil yang miskin. Daripada jumlah <sup>itu,</sup> ~~di atas~~ 560 Biasiswa Kecil telah diperuntukkan <sup>kepada</sup> ~~bagi~~ Negeri Melaka, dan 50 darinya, diberikan kepada anak-anak pekebun kecil di-  
kawasan Masjid Tanah ini.

19. Demikian <sup>lah</sup> ~~ladi~~ usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan Barisan Nasional,

bagi menjamin masa depan yang lebih cemerlang  
~~bagi~~ pekebun kecil. Saya menggesa semua pihak,  
supaya bersama-sama menjayakan hasrat dan cita-  
cita Kerajaan Barisan Nasional, iaitu mewujudkan  
masyarakat pekebun kecil yang maju, makmur  
dan berdikari. Saya menyeru setiap pekebun  
kecil di tanah air, supaya menyokong Kerajaan  
Barisan Nasional yang ada sekarang, serta berusaha  
dengan bersungguh-sungguh, bagi membolehkan  
Kerajaan Barisan Nasional terus mendapat  
mandat barunya dari rakyat. Insya Allah, kami  
akan membawa kemajuan dan kemakmuran yang lebih

21. Tuan<sup>2</sup> dan Duan<sup>2</sup> sehelian.

Dengan ini, saya dengan  
amat sukacitanya,

mengisytiharkan Pusat

Pembangunan Kawasan

Pekebun Kecil ↓ Masjid

Tanah, yang berdekatan

~~dengan~~ di - sini, di - buka

dengan resminya, dan

seterusnya menyampaikan

biasiswa<sup>2</sup> kecil kepada

anak<sup>2</sup> pekebun kecil.



Terima kasih.

meningkat lagi kepada rakyat dan negara, di masa-masa akan datang.

20. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak, yang telah menjayakan lawatan saya ka Melaka ini, serta juga majlis di Masjid Tanah pada petang ini.

Terima kasih.

\*\*\*\*\*





No Siri .....	385
No Penerimaan .....	49/79